



KEMENTERIAN PENGANGKUTAN
MALAYSIA



KENYATAAN MEDIA
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN MALAYSIA

**“352 PENDUDUK DAERAH PITAS TERIMA BANTUAN LESEN MEMANDU
MALAYSIA KELAS B2 (MOTOSIKAL)”**

Pitas, Sabah, 8 Julai 2023 - Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Malaysia pada hari ini telah menyerahkan bantuan Lesen Memandu Malaysia Kelas B2 (Motosikal) kepada seramai **352 individu** menerusi **Program MyLesen** di Daerah Pitas, Sabah.

Para penerima bantuan Lesen Memandu Malaysia Kelas B2 (Motosikal) merupakan individu daripada golongan B40 di kawasan luar bandar yang terdiri daripada mereka yang berumur 16 tahun dan ke atas.

Program MyLesen merupakan komitmen dan usaha cakna Kerajaan untuk membantu golongan B40 mempertingkatkan taraf sosioekonomi dan pendapatan isi rumah melalui peluang pekerjaan. Pemilikan Lesen Memandu Kelas B2 ini akan memberi manfaat kepada masyarakat di Daerah Pitas untuk memudahkan pergerakan menguruskan aktiviti-aktiviti ekonomi setempat seterusnya meningkatkan pendapatan isi rumah.

Kerajaan berharap inisiatif ini akan melahirkan pemandu kenderaan bermotor yang kompeten dan selamat seterusnya meningkatkan kesedaran orang ramai terhadap pematuhan peraturan-peraturan jalan raya dan juga pembudayaan keselamatan jalan raya.

**JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
MALAYSIA**

8 JULAI 2023

[TAMAT]